

Ahad, 8 March 2020 | 5:02pm



Permintaan penutup mulut dan hidung di negara ini tinggi berikutan penularan jangkitan COVID-19. – Foto NSTP

COVID-19 :MCPG gesa mansuh harga siling penutup hidung dan mulut

GEORGE TOWN: Persatuan Farmasi Komuniti Malaysia (MCPG) menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk memansuhkan sementara, harga siling penutup hidung dan mulut, serta melarang pengeksportan barangang itu dari Malaysia.

Presiden MCPG Lovy Beh berkata, permintaan itu bagi memastikan terdapat bekalan penutup hidung dan mulut yang mencukupi di negara ini ketika penularan jangkitan COVID-19.

Beliau mendakwa, berikutan jangkitan COVID-19 di Malaysia, penjualan penutup hidung dan mulut di negara ini meningkat tiga kali, menyebabkan kekurangan bekalan selain pengeluar mengeksport produk penutup hidung dan mulut itu pada harga yang tinggi.

"Kami akan berjumpa dengan kementerian berkenaan untuk memansuhkan sementara harga siling dan melarang pengeluar daripada mengeksport produk mereka supaya kita mempunyai bekalan penutup hidung dan mulut yang mencukupi di Malaysia," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

MCPG mengadakan mesyuarat agung tahunan (AGM) ke-15 hari ini.– BERNAMA